

Pas tidak pernah minta maaf

UM 7 JAN 2002

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 6 Jan. — Pemimpin-pemimpin Pas tidak pernah meminta maaf kepada sesiapa walaupun satu dunia tahu mereka melakukan kesalahan termasuk mendakwa peristiwa berdarah di Sauk, Perak dua tahun lalu hanyalah satu sandiwara kerajaan.

Oleh itu, menurut Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak ada gunanya menyuruh mereka meminta maaf.

Beliau berkata, itu adalah satu sifat semula jadi Pas dan ia dapat dilihat dalam banyak isu yang melibatkan parti itu sebelum ini.

Menurut Dr. Mahathir, Pas sentiasa beranggapan parti itu tidak pernah membuat kesalahan, justeru mereka tidak perlu meminta maaf kepada sesiapa pun.

"Lempar fitnah tak minta maaf, dia mencarut tak minta maaf, dia bohong tak minta maaf.

- Pelbagai pihak sifatkan Pas angkuh — Muka 2

"Dia (Pas) tidak pernah mengaku dia buat benda salah walaupun dunia tahu dia buat benda salah. Jadi, tak guna suruh dia minta maaf," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Hari Raya bekas Speaker Dewan Negara, Tan Sri Abang Ahmad Urai Abang Mohideen di sini hari ini.

Beliau mengulas pendirian Pas yang tetap menganggap peristiwa rompakan bersenjata di Sauk, Perak dua tahun lalu sebagai satu sandiwara oleh kerajaan.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa dipetik berkata, berikutan itu, tidak timbuisu untuk meminta maaf seperti yang disarankan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pada 27 Disember lalu, kesemua 19 ahli Al-Ma'unah yang terlibat dalam peristiwa itu didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi.

Tiga pemimpin utama kumpulan itu dijatuhi hukuman mati manakala anggota selebihnya dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat.

Sebelum ini, 10 anggota Al-Ma'unah yang mengaku bersalah telah dijatuhi hukuman 10 tahun penjara.

■ Lihat muka 4

Pas tidak pernah minta maaf

Dr. Mahathir berkata, jika Pas masih menganggap peristiwa itu satu sandiwara, kerajaan sedia menjemput kepimpinan Pas termasuk Mursyidul Amnya, Datuk Nik Aziz Nik Mat untuk menyaksikan hukuman gantung terhadap anggota al-Ma'unah dijalankan.

"Kita nak jemput Nik Aziz datang untuk menyaksikan Amin (Ketua kumpulan Al-Ma'unah, Mohd. Amin Mohd. Razali) menjalani hukum gantung.

"Kita nak tengok beliau bagi tahu pada Amin, ini adalah sandiwara sahaja masa Amin nak kena hukum gantung," tegasnya.

UM 7 JAN 2002